



SEBAHAGIAN daripada ahli Sekretariat Alumni Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia menawan puncak Gunung Ledang, Muar, baru-baru ini.

## Alumni U'THM tawan puncak Gunung Ledang

JOHOR BAHRU 12 Feb. - Seramai 80 ahli Sekretariat Alumni Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHMas) yang mengikuti Kursus Pengukuhan Pasukan dan Pengurusan Organisasi (KPO) 2013 di Taman Hutan Legenda berjaya menawan puncak Gunung Ledang, Muar, baru-baru ini.

Ketua Ekspedisi, Izaidah Adenan berkata, mereka terpaksa menem-

puh pelbagai halangan untuk sampai ke puncak tertinggi di selatan Semenanjung itu seperti keadaan permukaan tanah yang lembap, cerun curam dan batu-batan yang licin.

Beliau berkata, hujan renyai turut menyukarkan perjalanan menuju ke puncak gunung tersebut, namun dengan semangat dan azam yang kuat, peserta berjaya menawan puncak gunung tersebut.

"Pendakian kami bermula pukul 8.30 pagi dan setelah mengharungi pelbagai halangan kami tiba di puncak gunung yang berketinggian 1,276 meter itu pada pukul 3.30 petang.

"Jalan menuju ke puncak yang mencabar dan ditambah pula dengan cuaca yang tidak menentu benar-benar menguji ketahanan fizikal dan mental kami. Bagaimana-

pun, kata-kata semangat yang diberikan oleh sesama sendiri menjadi pendorong untuk kami meneruskan perjalanan," katanya.

Menurutnya, ekspedisi itu bertujuan membentuk semangat kerjasama berkumpul di samping menguatkan lagi tali persaudaraan antara ahli.

Gunung Ledang kaya dengan pelbagai spesies tumbuhan yang sukar

ditemui.

Gunung tersebut terkenal dengan legenda kewujudan Puteri Gunung Ledang.

Izaidah berkata, menerusi ekspedisi tersebut, peserta berpeluang menerokai setiap khazanah yang tersembunyi di dalam hutan tersebut di samping menikmati keindahan alam semulajadi yang sangat menarik.